



KANDUNGAN

| | |
|------------------------------------|-----------|
| Latar Belakang | 33 |
| Falsafah dan Misi | 33 |
| ISO9001 | 34 |
| Lembaga Pengarah | 35 |
| Barisan Pengurusan | 36 |
| Pemegang-pemegang Saham | 36 |
| Maklumat Korporat | 37 |
| Penyata Pengerusi | 40 |
| Ringkasan Hasil Operasi Lima Tahun | 42 |
| Tanggungjawab Sosial Korporat | 43 |

PENYATA KEWANGAN

| | |
|------------------------------------|-----------|
| Laporan Para Pengarah | 44 |
| Laporan Juruaudit Bebas | 46 |
| Penyata Pendapatan | 47 |
| Akaun Hasil Pendapatan | 48 |
| Kunci Kira-kira | 49 |
| Penyata Selaras Dengan Seksyen 125 | 50 |
| Penyata Perubahan Dalam Ekuiti | 51 |
| Penyata Pengaliran Tunai | 52 |
| Nota Bagi Akaun | 53 |
| Akaun Untung Rugi Terperinci | 61 |

LATAR BELAKANG

National Insurance Company Berhad diperbadankan pada tahun 1969 dan adalah peneraju pasaran insurans am di Brunei Darussalam. Syarikat Insurans Allianz Insurance Co. of Singapore Pte Ltd, Mitsui Sumitomo Insurance (S) Pte Ltd dan Baiduri Holdings Berhad memperolehi kepentingan di dalam National Insurance pada Januari 1998. Pelaburan ini menandakan keyakinan terhadap syarikat ini dan ekonomi Brunei dan bertujuan mengukuhkan kedudukan syarikat yang kompetitif di Brunei Darussalam dan serantau. Hubungan strategik ini telah memberi kemudahan pertukaran pakar insurans antarabangsa ke Brunei Darussalam dan membolehkan syarikat meneroka peluang-peluang baru di dalam insurans. Syarikat memainkan peranan penting di dalam komuniti perniagaan dan merupakan ahli Persatuan Insurans Am Negara Brunei Darussalam, Dewan Perniagaan dan Perindustrian Antarabangsa Brunei Darussalam dan Kongres Insurans Asia Timur.

FALSAFAH DAN MISI

Misi kami adalah untuk menjadi syarikat insurans utama Brunei Darussalam. Kami terikat dalam menyediakan pelbagai perkhidmatan insurans yang memenuhi kehendak-kehendak pelanggan. Dalam melaksanakannya, kami bermaksud untuk cemerlang di dalam bidang-bidang penting berikut:

Pemimpin Pasaran. Kami mahu menjadi pemimpin pasaran di dalam segmen-segmen pasaran penting kami. Kami akan mentafsirkan pemimpin pasaran dari segi bahagian pasaran kami dan kualiti perkhidmatan yang kami tawarkan di dalam segmen-segmen pasaran ini. Walaupun kami secara agresif mencari bahagian pasaran namun kami tidak akan melakukannya dengan mengabaikan kualiti dan keuntungan.

Perkhidmatan-perkhidmatan Cemerlang. Kami mahu menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan cemerlang kepada pelanggan-pelanggan kami. Kami mengukur perkhidmatan dari segi keupayaan kami memenuhi permintaan pelanggan-pelanggan kami di dalam bidang-bidang kritikal seperti sekuriti, perlindungan, penjelasan tuntutan dan kos. Kami akan sentiasa membandingkan diri kami dengan syarikat-syarikat yang terbaik di rantau ini.

Kakitangan Cemerlang. Kami mahu menggaji kakitangan yang terbaik di dalam industri insurans tempatan. Kami mahu kakitangan yang jujur, berpasukan, ingin belajar, mempunyai komitmen terhadap nilai kerja yang tinggi dan mencapai keputusan baik.

Keputusan Yang Mengkagumkan. Kami mahu menghasilkan keputusan kewangan yang mengagumkan kepada pemegang-pemegang saham kami. Kami mentafsir keputusan kewangan yang kami mahu dari segi pulangan ke atas pelaburan yang mana adalah mengatasi purata dan merupakan produk hasil dari pemasaran yang agresif, penanggung dan pengurusan pelaburan yang berhemat.

Pengurusan Kelas Pertama. Kami mahu yang terbaik sebagai syarikat insurans dengan pengurusan kelas pertama bukan sahaja berhubung-kait dengan industri tempatan malah di peringkat serantau. Pengurusan kami akan dinilai dari segi bagaimana berjayanya mereka mengarah dan mengatur syarikat ke arah peningkatan berterusan di dalam sistem pengurusan.

Pembangunan dan Latihan. Kami percaya bahawa pembangunan dan latihan adalah kunci kejayaan berterusan syarikat. Fokus syarikat adalah menyediakan latihan insurans profesional dalam membawa tahap kemahiran kakitangan dan ejen ke peringkat antarabangsa dan peningkatan berterusan terhadap perkhidmatan berkualiti.

Dalam melaksanakan misi kami, kami akan mengambil pendekatan-pendekatan berikut:

- Kami percaya kecemerlangan berhasil dari memfokuskan tenaga-tenaga dan sumber-sumber kami. Perniagaan kami adalah penanggungans insurans dan kami mahu membesar dan berkembang sebagai sebuah syarikat insurans. Minat kami di dalam bidang-bidang lain hanyalah bertujuan secara langsung mengukuhkan kelebihan kompetitif di dalam perniagaan utama kami.
- Kami percaya bahawa tanpa pelanggan, kami tidak ada perniagaan. Dengan itu kami perlu memastikan bahawa pelanggan adalah perkara utama di dalam setiap aspek organisasi dan kerja kami. Kami percaya bahawa kakitangan kami adalah sumber utama kami. Kami perlu mengambil kakitangan yang terbaik dan menyediakan mereka dengan peluang-peluang pembangunan, kerjaya dan suasana kerja yang memuaskan. Kami mahu kakitangan yang boleh dibanggakan dan kami mahu mereka melihat syarikat ini sebagai tempat bekerja yang mencabar dan menyeronokkan.
- Kami percaya bahawa pertumbuhan kami yang berterusan bergantung kepada keupayaan kami menjangka dan menerima perubahan dengan berdisiplin. Kami mesti selalu proaktif dan inovatif tetapi di dalam konteks perancangan yang menyeluruh.
- Kami percaya bahawa kami mempunyai tanggungjawab sosial ke atas industri tempatan dan masyarakat di mana kami adalah sebahagian darinya. Kami mahu menyumbang ke arah kedudukan yang baik di dalam industri tempatan dan menjadi warga korporat Brunei Darussalam yang baik.

ISO 9001

National Insurance Company Berhad memperolehi pensijilan ISO 9002 pada 15hb April 1996 dan sekali lagi memperolehi pensijilan di bawah standard baru ISO 9001:2000 pada 7hb Julai 2008. Dengan pensijilan baru ini, syarikat ini merupakan satu-satunya syarikat insurans di Brunei Darussalam dan juga di antara beberapa di rantau ini yang telah mencapai pensijilan yang berprestij ini. Barisan Pengurusan (MRT) berjumpa sekurang-kurangnya sekali sebulan untuk menetapkan objektif-objektif tertentu, mengatur perlaksanaannya dan meneliti perkembangannya. Audit-audit dalaman dijalankan secara kerap oleh ahli-ahli Barisan Audit, sementara audit luaran oleh ahli audit luaran ISO yang diiktiraf dijalankan sekali setahun untuk memastikan bahawa sistem pengurusan kualiti syarikat adalah mantap.



Certificate Number **230825**



YAM Pengiran Muda Abdul Qawi



Datin Hjh Edah binti Hj Mohd Noor



YAM Pengiran Kerma Raja Pengiran Hj Kamarulzaman bin Pengiran Pekerma Setia DiRaja Sahibul Bandar Pengiran Hj Ali



Dato Paduka Timothy Ong Teck Mong



Kiyomi Udagawa



Karl-Heinz Jung



Stephen Ong Teck Soon

LEMBAGA PENGARAH

YAM Pengiran Muda Abdul Qawi (*Pengerusi*)

YAM Pengiran Kerma Raja Pengiran Hj Kamarulzaman bin Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Hj Ali

Dato Paduka Timothy Ong Teck Mong (*Timbalan Pengerusi*)

Datin Hjh Edah binti Hj Mohd Noor

Karl-Heinz Jung

Kiyomi Udagawa

Stephen Ong Teck Soon (*Selang Pengarah kepada Dato Paduka Timothy Ong Teck Mong*)

BARISAN PENGURUSAN

Urusan pengurusan seharian syarikat diseliaikan oleh barisan pengurusan dan diketuai oleh Pengurus Am, Awang Kolja Klawunn. Barisan pengurusan bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali sebulan untuk membincangkan isu-isu operasi dan pemasaran, menetapkan dan memerhatikan objektif-objektif tertentu di samping memerhatikan sistem kualiti kami.

Ahli-ahli Barisan Pengurusan terdiri daripada:

Pengurus Am

Kolja Klawunn (dilantik pada 1 Jun 2009)

Nicholas Cheng (berhenti pada 31 Mei 2009)

Ketua Pegawai Kewangan

Eliza Abdullah (berhenti pada 31 Oktober 2009)

Pengurus Kanan

Denis Buyok (*Underwriting & Tuntutan*)

Wu Mao Suin (*Perkembangan Perniagaan*) (berhenti pada 3 Jun 2009)

Pengurus

Christine Ho (*Akaun & Kewangan*) (dilantik pada 19 Oktober 2009)

Emily Chong (*Bank & Reinsurans*)

Ignatius Lau (*Perkembangan Perniagaan*)

Aminuddin Nasuha (*Underwriting*)

Dk Kemariah Pg Duraman (*Pentadbiran & Sumber Tenaga*)

Catherine Tan (*Underwriting*) (berhenti pada 31 Mei 2009)

Betty Chang (*Underwriting*) (berhenti pada 24 Julai 2009)

Penolong Pengurus

Katherine Teo (*Underwriting*)

Chen Choon Foong

(*Perkembangan Perniagaan*)

Wilfred Lungga (*Tuntutan*)

(dilantik pada 3 Ogos 2009)

Alexander Akaw (*Underwriting*)


(dilantik pada 1 Oktober 2009)

Sarah Abdullah (*Tuntutan*)

(berhenti pada 31 Oktober 2009)

PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM

Di kalangan syarikat-syarikat Brunei, National Insurance Company Berhad adalah unik di dalam struktur pemilikannya. Secara anggaran, terdapat 164 pemegang-pemegang saham di mana 115 terdiri dari pelabur-pelabur Brunei. Dari sejumlah B\$8 juta saham modal, 70% adalah dipegang oleh rakyat Brunei atau syarikat-syarikat yang dimiliki oleh rakyat Brunei. Dua pemegang saham tempatan yang terbesar adalah Sumber Mulia Holdings Sdn Bhd (29%) dan Baiduri Holdings Sdn Bhd (10%). Syarikat Insurans Allianz Insurance Company of Singapore (S) Pte Ltd memiliki 25% sementara Mitsui Sumitomo Insurance (S) Pte Ltd memiliki 5% saham syarikat.



MAKLUMAT KORPORAT

Nama

NATIONAL INSURANCE COMPANY BERHAD

E-mel

insurance@national.com.bn

Tempat dan Tarikh perbadanan

Brunei Darussalam

24hb Disember 1969

Laman Web

www.national.com.bn

Saham dibayar

B\$8 juta

Hotline 24 jam

1-800-0999

Ibu Pejabat

Unit 12 & 13, Blok A, Regent Square,
Simpang 150, Kampong Kiarong, BE 1318
Brunei Darussalam

Perkhidmatan Tow-truck

2234567, 877 4033, 871 8977, 817 7777 (KB)

Alamat Persuratan

P O Box 1251, Bandar Seri Begawan BS8672,
Brunei Darussalam

Talipon

222 6222, 223 3999

P O Box 1336, Kuala Belait KA1131, Brunei Darussalam

Faksimili

242 9888 - Pentadbiran

245 4277 - Underwriting & Tuntutan

245 4303 - Akaun

Juruaudit & Pendaftar

Ernst & Young

Room 309A, 3rd Floor, Wisma Jaya,

Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8811,


Brunei Darussalam

Telephone 223 9139/223 9140

Facsimile 223 9142

RANGKAIAN NATIONAL INSURANCE

National Insurance Company Berhad sedia berkhidmat di seluruh Brunei Darussalam melalui rangkaian cawangan-cawangan dan pejabat-pejabat agensinya.



MAKLUMAT KORPORAT

Cawangan-cawangan

KUALA BELAIT
 Unit 20, Block C, Lot 8989
 Jalan Pandan Tujuh, Kuala Belait
 Tel: 333 6468, 333 6469, 333 1222
 Faksimili: 333 2038
 Email: kb@national.com.bn

Kaunter Perkhidmatan Insurans

Land Transport Dept, Gadong
 Tel: 245 2238
 Faksimili: 245 2239

Pejabat Agensi "ON-LINE"

AEROJAYA SDN BHD

No.5, Ground Floor,
 Scout's Headquarters Building
 Jalan Gadong BE1118
 Tel: 245 1974
 Faksimili: 245 2079

BRIGHT FUTURE MARKETING SERVICES

Unit B10, Mezzanine Floor,
 Shakirin Complex, Simpang 88,
 Kg Kiulap BE1518
 Tel: 223 7016, 223 7018
 Faksimili: 223 7015

CANTUMAN BAHAGIA MARKETING COMPANY

No 16, 1st Floor, Block A,
 Simpang 628,
 Jalan Tutong, Kg Bunut,
 Bandar Seri Begawan BF1120
 Tel: 265 4366, 265 4370
 Faksimili: 265 0628

DELTRA MARKETING SERVICES

Block A, Unit 10, First Floor,
 Bangunan Pengkalan Gadong,
 Batu Bersurat,
 Bandar Seri Begawan BE4119
 Tel: 242 3657, 242 3658
 Faksimili: 242 3659

DAVID HIEW SWEE KUAN

Kompleks Delima Jaya
 Lot 53068 Block A, No.9,
 2nd Floor, Simpang 62,
 Jalan Muara, Brunei Darussalam
 Tel: 223 5129
 Faksimili: 233 5128

DAVID LIAW YUN KONG

Lot 47076, No.5,
 Simpang 502-56-18
 Jalan Gadong, Kampong Beribi
 Brunei Darussalam BE1118
 Tel: 226 0078
 Faksimili: 226 0078

GALORE ENTERPRISE

No 5, Block B,
 Urairah Complex, Kg Kiulap,
 Bandar Seri Begawan BE1518
 Tel: 222 8619, 222 8621
 Faksimili: 222 8715

INSOBRU SDN BHD

Suite 02, 3rd Floor,
 Badiah Complex,
 Km 1, Jalan Tutong,
 Bandar Seri Begawan BA1712
 Tel: 222 1423, 222 1424
 Faksimili: 222 1419

MIRAGE ENTERPRISE

No 10, 2nd Floor, Block B,
 PAP Hjh Norain Building,
 Km 1, Jalan Tutong,
 Bandar Seri Begawan BA1712
 Tel: 222 4080, 222 4081
 Faksimili: 222 4078

MAKLUMAT KORPORAT

Pejabat Agensi "ON-LINE"

PROINSURE ENTERPRISE

No 2, 1st Floor,
Sumbangsih Bahagia Kompleks,
Perindustrian II,
Gadong BE 1118
Tel: 242 2211
Faksimili: 242 2209

RICHLAND INSURANCE SERVICES SDN BHD

Unit 11, 1st Floor, Block J,
Abdul Razak Complex,
Jalan Gadong, BE4119
Tel: 242 7112
Faksimili: 242 7114

VINCENT & ASSOCIATES

Unit 10, 1st Floor, Block A,
Q-Lap Complex,
Simpang 88, Kampong Kiulap
Tel: 223 6196, 223 6197
Faksimili: 223 6195

TANG ENG HONG

No.2, 1st Floor, Simpang 5,
Bangunan Badiah,
Jalan Gadong, BE 4119
Tel: 245 2955
Faksimili: 245 2953

JASRA HARRISONS SHIPPING AGENCY SDN BHD

No.65, Jalan McKerron,
Kuala Belait, KA1189
Tel: 333 6613
Faksimili: 333 6102

ADAMAS ENTERPRISE

02-E, Lot nos. 39 & 40,
Jalan Sultan Omar, Seria KB2733
Tel: 322 4828
Faksimili: 322 5828

ROBE & HING ENTERPRISE

45, Jalan Tengah,
Kuala Belait KA2331
Tel: 333 0429
Faksimili: 333 0430

U.M.S. ENTERPRISE

Lot 846, Jalan Bunga Simpur,
Kuala Belait
Tel: 334 2679

PENYATA Pengerusi



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Dengan sukacitanya saya membentangkan bagi pihak Lembaga Pengarah, Laporan Tahunan dan Akaun National Insurance Company Berhad bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2009.

Ringkasan

2009 merupakan tahun yang mencabar bagi syarikat.

Syarikat telah belayar mengharungi laut bergelora dan meraikan sambutan ulangtahun ke 40 pada 24 Disember 2009.

Premium kasar tercatat pada tahun 2009 menurun dari B\$35.3 juta ke B\$20.1 juta, menunjukkan penurunan 43% dari tahun 2008 yang sejumlah besar disebabkan garis pandu penanggungan yang lebih ketat.

Pada Januari dan Februari 2009, Brunei Darussalam mengalami bencana kecil banjir kilat, di mana mengakibatkan kehilangan harta benda berjumlah B\$2.4 juta dan B\$0.9 juta secara kasar dan bersih masing-masing.

Lanjutan dari masalah kewangan serantau yang berterusan, pendapatan pelaburan terus mengalami penurunan akibat dari kadar faedah simpanan tetap yang rendah. Pendapatan faedah turun dari B\$0.34 juta ke B\$0.29 juta pada tahun 2009.

Namun begitu, syarikat mencatatkan 350% peningkatan keuntungan bersih selepas cukai sebanyak B\$0.9 juta berbanding dengan B\$0.2 juta pada tahun 2008.

Dana pemegang saham pada 31 Disember 2009 adalah B\$9.7 juta, melebihi tahap keperluan minima B\$8 juta di bawah Peraturan dan Arahan Insurans, 2006.

Pegangan Pasaran

National Insurans terus menerajui pasaran insurans konvensional dengan pegangan pasaran 40% pada tahun 2009.

Keutuhan Kewangan

Dari segi kewangan, syarikat kekal kukuh.

Lebih aset dari liabiliti sebanyak B\$9.7 juta adalah 37% lebih dari tahap minima keperluan solvensi yang diperlukan oleh Peraturan dan Arahan Insurans, 2006.

Dividen

Pengarah mencadangkan dividen akhir 3 sen sesaham yang berjumlah B\$240,000 bagi tahun berakhir 31 Disember 2009.

Tanggungjawab Sosial Korporat

Sebagai sebahagian dari komitmen syarikat kepada masyarakat tempatan, syarikat menyokong usaha-usaha kebajikan.

Usaha yang diambil oleh syarikat pada tahun 2009 termasuk kempen derma darah dan jualan but kereta untuk membantu mereka yang kurang penglihatan di dalam pelajaran dan pekerjaan.

Penghargaan

Bagi pihak Lembaga Pengarah, sukacita saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak pengurusan dan kakitangan syarikat di atas komitmen dan dedikasi, di samping kepada pelanggan-pelanggan yang dihargai, ejen-ejen dan broker-broker di atas sokongan yang menyumbang ke arah kejayaan syarikat.

Saya juga ingin menyampaikan penghargaan saya kepada Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam dan Persatuan Insurans Am Brunei Darussalam di atas sumbangan dan tunjuk ajar mereka terhadap perkembangan industri insurans tempatan.

Wabillahit taufit wal-Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.




PENGIRAN MUDA ABDUL QAWI
Pengerusi

RINGKASAN HASIL OPERASI LIMA TAHUN

| | 2009 | 2008 | 2007 | 2006 | 2005 |
|------------------------------|---------|---------|---------|---------|---------|
| | B\$'000 | B\$'000 | B\$'000 | B\$'000 | B\$'000 |
| Premium kasar tercatat | 20,969 | 36,305 | 25,329 | 15,541 | 13,793 |
| Premium bersih tercatat | 12,020 | 12,170 | 10,717 | 8,398 | 6,656 |
| Untung/[rugij] penangungan | 984 | 1,530 | 868 | 790 | 584 |
| Pelaburan & pendapatan lain | 278 | (1,004) | 1,730 | 624 | 609 |
| Untung/[rugij] sebelum cukai | 1,262 | 526 | 2,598 | 1,414 | 1,192 |
| Untung/[rugij] selepas cukai | 925 | 164 | 2,598 | 1,414 | 1,192 |
| Dana pemegang saham | 9,731 | 9,061 | 9,315 | 7,065 | 6,013 |
| Rizab teknikal bersih | 12,328 | 12,697 | 9,441 | 8,098 | 6,857 |
| Jumlah aset | 26,779 | 27,714 | 23,611 | 19,246 | 16,102 |
| Dividen sesaham [sen] | 3 | 3 | 5 | 0 | 7.5 |

PREMIUM KASAR TERCATAT INDUSTRI BAGI TEMPOH LIMA TAHUN [B\$]



Sumber: Persatuan Insurans Am, Brunei Darussalam

BAHAGIAN PASARAN SYARIKAT MENGIKUT CAMPURAN PORTFOLIO BAGI TAHUN 2009

| KELAS | MOTOR | BON | KEBAKARAN | PAMPASAN PEKERJA | TANGUNGAN AWAM | KONTRAKTOR SEMUA RISIKO | LAIN-LAIN |
|-------------------|-------|------|-----------|------------------|----------------|-------------------------|-----------|
| Pegangan Pasaran | 33 % | 49 % | 57 % | 60 % | 18 % | 70 % | 28 % |
| Kedudukan Pasaran | 2 | 1 | 1 | 1 | 2 | 1 | 2 |

Sumber: Persatuan Insurans Am, Brunei Darussalam

(tidak termasuk syarikat-syarikat Takaful)

Tanggungjawab Sosial Korporat



Kempen Derma Darah Tahunan telah diadakan bertempat di dewan serbaguna syarikat pada 3 Mei 2009. Dianggarkan 32 kakitangan, ejen, sahabat handai serta ahli keluarga datang beramai-ramai untuk menderma darah untuk tujuan baik ini. Ianya diketuai oleh Pengurus Kanan Underwriting dan Tuntutan, Denis Buyok dan dikelola oleh Hjh Fatimah Bte Hj Sirat, Eksekutif di bahagian Underwriting.



Pada bulan Ogos 2009, sumbangan telah diserahkan kepada Persatuan Kebangsaan Brunei Darussalam bagi orang-orang Buta (BDNAB).

Sepuluh peratus dari dana sumbangan disumbangkan oleh ejen-ejen syarikat iaitu Cantuman Bahagia Marketing Company, Mirage Enterprise, IMG Development dan Tang Eng Hong. Cek kepada yang dipertua BDNAB, Awang Jamar Bin Danggat telah diserahkan oleh Kolja Klawunn, Pengurus Am National Insurance.



National Insurance Company Berhad telah menaja Kejohanan Golf Amal Rotari kali ke-9 pada 4 Oktober 2009. Kelab Rotari Bandar Seri Begawan mendedikasikan kebanyakan aktiviti-aktivitinya untuk membantu mereka yang berkeperluan khas. Wang yang dikutip hasil dari Kejohanan Golf Amal ini telah diberikan kepada pelajar yang tidak mampu membayar yuran sekolah yang mana mereka mungkin terpaksa untuk memberhentikan persekolahan mereka.



Pada 8 November 2009, jualan amal but kereta telah diadakan dengan 22 penyertaan daripada kakitangan dan orang awam, bermula dari 8 pagi dan berakhir pada 12 tengahari bertempat di kawasan letak kereta berhadapan bangunan pejabat National Insurance Company Berhad. Peserta-peserta yang terlibat dalam jualan ini menyumbangkan minima 50% dari hasil jualan mereka kepada Persatuan Kebangsaan Brunei Darussalam bagi orang-orang Buta (BDNAB)



Cek sumbangan telah diserahkan pada 26hb November 2009 kepada yang dipertua BDNAB, Awang Jamar Bin Danggat oleh Kolja Klawunn, Pengurus Am National Insurance.

LAPORAN PARA PENGARAH

Para pengarah dengan sukacitanya mengemukakan laporan mereka bersama akaun-akaun Syarikat yang telah diaudit bagi tahun berakhir pada 31hb Disember 2009.

Kegiatan Utama

Kegiatan utama Syarikat adalah untuk menanggung insurans kebakaran, marin, kenderaan dan lain-lain insurans am. Kegiatan ini tidak mengalami perubahan penting dalam tahun ini.

Keputusan

| | |
|---------------------------------------|-------------|
| Keuntungan selepas cukai | B\$ 924,568 |
| Kerugian di dalam syarikat subsidiari | (13,964) |
| | B\$ 910,604 |

Para pengarah berpendapat bahawa keputusan operasi syarikat sepanjang tahun kewangan tidak pernah terjejas oleh sesuatu perkara, urusniaga atau peristiwa yang berbentuk material dan luar biasa.

Dividen

Para Pengarah mencadangkan dividen sebanyak 3 sen sesaham berjumlah B\$240,000 bagi tahun berakhir 31hb Disember 2009.

Lembaga Pengarah

Ahli-ahli Lembaga Pengarah Syarikat yang memegang jawatan pada tarikh laporan ini ialah:-

YAM Pengiran Muda Abdul Qawi (*Pengerusi*)

YAM Pengiran Kerma Raja Pengiran Hj Kamarulzaman bin Pengiran Pekerma Setia DiRaja Sahibul Bandar Pengiran Hj Ali

Dato Paduka Timothy Ong Teck Mong (*Timbalan Pengerusi*)

Datin Hjh Edah binti Hj Mohd Noor

Karl-Heinz Jung

Kiyomi Udagawa

Stephen Ong Teck Soon (*Selang Pengarah kepada Dato Paduka Timothy Ong Teck Mong*)

Pengarah-pengarah berikut yang memegang jawatan pada berakhirnya tahun kewangan telah, mengikut pendaftaran yang diperlukan di bawah seksyen 95 Akta Syarikat, mempunyai kepentingan saham di dalam syarikat seperti berikut:-

| Nama-nama Pengarah | Saham B\$1 setiap satu | |
|-----------------------------------|------------------------|------------------|
| | Pada awal tahun | Pada akhir tahun |
| YAM Pengiran Muda Abdul Qawi | 64,000 | 64,000 |
| Dato Paduka Timothy Ong Teck Mong | 28,000 | 28,000 |
| Datin Hjh Edah Bte Hj Mohd Noor | 160,000 | 160,000 |

Juruaudit

Juruaudit, Ernst & Young, telah menyatakan kesediaan mereka untuk meneruskan perkhidmatan.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,



YAM PENGIRAN MUDA ABDUL QAWI
Pengarah



DATO PADUKA TIMOTHY ONG TECK MONG
Pengarah

10 Mac 2010

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

Kepada Ahli-Ahli NATIONAL INSURANCE COMPANY BERHAD

Kami telah mengaudit penyata kewangan National Insurance Company Berhad yang disertakan, termasuk kunci kira-kira pada 31hb Disember 2009 dan akaun untung rugi, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan yang berakhir tersebut, dan ringkasan dasar-dasar penting perakaunan serta nota-nota penerangan.

Tanggungjawab Pengarah terhadap Penyata Kewangan

Pengarah adalah bertanggungjawab bagi penyediaan dan pembentangan yang saksama bagi penyata-penyata kewangan ini menurut peruntukan Akta Syarikat-Syarikat, Bab. 39 dan piawaian perakaunan. Tanggungjawab ini termasuk : merekabentuk, melaksana dan mengekalkan kawalan dalaman yang berkaitan dengan penyediaan dan pembentangan yang saksama bagi penyata-penyata kewangan yang bebas dari salah nyata ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan; dengan memilih dan menggunakan dasar-dasar perakaunan yang sesuai; dan membuat anggaran perakaunan yang munasabah mengikut keadaan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat kami berhubung penyata-penyata kewangan ini berlandaskan audit kami. Kami menjalankan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diterima khususnya di Brunei Darussalam. Piawaian ini menghendaki kami mematuhi pelan dan keperluan etikal dan merancang serta menjalankan audit untuk mendapatkan jaminan yang munasabah sama ada penyata-penyata kewangan tersebut adalah bebas dari salah nyata yang ketara.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan prosedur untuk mendapatkan bukti audit mengenai jumlah dan pendedahan dalam penyata-penyata kewangan. Pemilihan prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara di dalam penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko-risiko tersebut, kami mempertimbangkan kawalan dalaman yang berkaitan dengan penyediaan dan pembentangan penyata-penyata kewangan syarikat yang saksama bagi merangka prosedur audit yang sesuai dengan keadaan, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat kami berhubung keberkesanan kawalan dalaman syarikat. Audit turut meliputi penilaian kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran-anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan, serta menilai perbentangan keseluruhan penyata-penyata kewangan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk memberi asas kepada pendapat audit kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata-penyata kewangan ini memberikan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan National Insurance Company Berhad pada 31hb Disember 2009, dan pencapaian kewangan serta aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut mengikut peruntukan-peruntukan Akta Syarikat-Syarikat, Bab 39 dan dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan di dalam nota-nota kepada penyata-penyata kewangan, mengikut maklumat kami yang terbaik dan penjelasan yang diberikan kepada kami dan yang ditunjukkan di buku-buku syarikat.

Dalam menjalankan audit ke atas penyata-penyata kewangan ini, kami telah memperolehi semua maklumat dan penjelasan yang kami perlukan.



ERNST & YOUNG
Akauntan Bertauliah, Juruaudit



Lim Teck Guan
Juruaudit dibenarkan Brunei Darussalam

10 Mac 2010

PENYATA PENDAPATAN

Bagi tahun berakhir pada 31hb Disember 2009

| | Nota | 2009 B\$ | 2008 B\$ |
|---|------|----------------|----------------|
| Pendapatan faedah | | 291,754 | 344,087 |
| Lain-lain pendapatan | | (14,291) | (1,348,293) |
| | | 277,463 | (1,004,206) |
| Keuntungan penanggungan insurans yang dipindah dari Akaun Hasil Pendapatan Insurans | | 984,105 | 1,530,065 |
| Keuntungan bagi tahun kewangan sebelum cukai | 3 | 1,261,568 | 525,859 |
| Cukai yang dikenakan | 4 | (337,000) | (361,415) |
| Keuntungan bagi tahun kewangan selepas cukai | | 924,568 | 164,444 |
| Kerugian saham di dalam di syarikat subsidiari | | (13,964) | (18,938) |
| Keuntungan terkumpul bagi tahun kewangan | | 910,604 | 145,506 |

Nota-nota di muka surat 53 hingga 60 merangkumi sebahagian akaun ini.

AKAUN HASIL PENDAPATAN

Bagi tahun berakhir pada 31hb Disember 2009

| PENDAPATAN | B\$ Marin | B\$ Kebakaran | B\$ Kenderaan | B\$ Liabiliti | B\$ Pampasan pekerja | B\$ Lain-lain | B\$ Jumlah 2009 | B\$ Jumlah 2008 |
|---|----------------|------------------|------------------|------------------|----------------------------|------------------|--------------------|--------------------|
| Premium kasar tercatat | 761,335 | 5,342,998 | 4,183,637 | 1,134,933 | 1,811,786 | 6,855,271 | 20,089,960 | 35,332,123 |
| Premium reinsurans tercatat | 38,351 | 611,906 | - | 22,607 | 86,346 | 119,387 | 878,597 | 972,441 |
| | 799,686 | 5,954,904 | 4,183,637 | 1,157,540 | 1,898,132 | 6,974,658 | 20,968,557 | 36,304,564 |
| Tolak: Premium reinsurans keluar | 311,021 | 4,121,968 | 517,806 | 556,282 | 326,540 | 3,115,085 | 8,948,702 | 24,134,760 |
| Premium bersih tercatat | 488,665 | 1,832,936 | 3,665,831 | 601,258 | 1,571,592 | 3,859,573 | 12,019,855 | 12,169,804 |
| Pergerakan di dalam rizab premium yang belum diperolehi | (50,312) | 96,284 | 671,429 | 23,266 | 26,196 | 139,523 | 906,386 | (1,101,372) |
| Premium bersih diperolehi | 438,353 | 1,929,220 | 4,337,260 | 624,524 | 1,597,788 | 3,999,096 | 12,926,241 | 11,068,432 |
| Tambah/ (Tolak): Pendapatan Pentadbiran/ (Perbelanjaan) | - | - | (32,285) | - | - | 94,339 | 62,054 | 173,540 |
| | 438,353 | 1,929,220 | 4,304,975 | 624,524 | 1,597,788 | 4,093,435 | 12,988,295 | 11,241,972 |
| PENGELUARAN | | | | | | | | |
| Kos perolehan bersih | 144,360 | 802,875 | 722,968 | 212,995 | 693,650 | 1,290,876 | 3,867,724 | 3,234,426 |
| Tuntutan bersih dibayar dan tertunggak | 88,034 | 1,296,258 | 1,140,877 | 359,961 | 704,629 | 1,388,094 | 4,977,853 | 3,757,918 |
| Pergerakan dalam peruntukan bagi tuntutan yang terlibat tetapi tidak dilaporkan | 12,642 | (13,820) | 25,657 | 66,466 | 36,888 | 90,059 | 217,892 | (30,758) |
| Perbelanjaan | 99,725 | 438,898 | 986,727 | 142,079 | 363,497 | 909,795 | 2,940,721 | 2,750,321 |
| | 344,761 | 2,524,211 | 2,876,229 | 781,501 | 1,798,664 | 3,678,824 | 12,004,190 | 9,711,907 |
| Keuntungan penanggunan insurans dipindah ke penyata pendapatan | 93,592 | (594,991) | 1,428,746 | (156,977) | (200,876) | 414,611 | 984,105 | 1,530,065 |

Nota-nota di muka surat 53 hingga 60 merangkumi sebahagian akaun ini.

KUNCI KIRA-KIRA

Pada 31hb Desember 2009

| | Nota | 2009 B\$ | 2008 B\$ |
|---|---------|-------------------|-------------------|
| ASET BUKAN SEMASA | | | |
| | 5 | 2,220,707 | 2,509,773 |
| PELABURAN DI SYARIKAT SUBSIDIARI | | | |
| | 6 | 121,174 | 135,138 |
| ASET SEMASA | | | |
| Jumlah terhutang daripada pelanggan, ejen dan syarikat reinsurans | 7 | 4,985,082 | 5,007,399 |
| Lain-lain siberhutang dan bayaran terdahulu | | 209,386 | 317,681 |
| Simpanan jangka pendek | | 18,436,237 | 18,339,089 |
| Baki di dalam bank dan tunai | | 806,278 | 1,405,314 |
| | | 24,436,983 | 25,069,483 |
| TANGGUNGAN SEMASA | | | |
| Tuntutan terlibat tetapi tidak dilaporkan | 2(e) | 717,620 | 499,728 |
| Tuntutan diterima atau diberitahu tetapi belum dibayar | 2(d), 8 | 6,195,451 | 5,876,177 |
| Rizab premium yang belum diperolehi | 2(c), 9 | 5,414,720 | 6,321,106 |
| Jumlah terhutang kepada ejen dan syarikat reinsurans | | 530,206 | 1,429,233 |
| Lain-lain sipiutang dan caj terakru | | 3,823,928 | 4,127,429 |
| Peruntukkan cukai | | 365,524 | 399,910 |
| | | 17,047,449 | 18,653,583 |
| ASET BERSIH SEMASA | | | |
| | | 7,389,534 | 6,415,900 |
| | | 9,731,415 | 9,060,811 |
| MODAL DAN RIZAB | | | |
| Modal terbitan saham | 10 | 8,000,000 | 8,000,000 |
| Rizab Hasil | | 1,731,415 | 1,060,811 |
| | | 9,731,415 | 9,060,811 |



YAM PENGIRAN MUDA ABDUL QAWI
Pengarah



DATU PADUKA TIMOTHY ONG TECK MONG
Pengarah

Nota-nota di muka surat 53 hingga 60 merangkumi sebahagian akaun ini.

PENYATA SELARAS DENGAN SEKSYEN 125

AKTA SYARIKAT-SYARIKAT BRUNEI

Keuntungan yang ditunjukkan di dalam akaun-akaun Syarikat bagi tahun berakhir 31hb Disember 2009 termasuk bahagian di dalam syarikat subsidiari, Araco Sdn Bhd.

Pada pendapat para pengarah, tidak ada peruntukan lanjut perlu dibuat untuk apa-apa kerugian sama ada di dalam akaun syarikat subsidiari atau syarikat holding.



YAM PENGIRAN MUDA ABDUL QAWI
Pengarah



DATO PADUKA TIMOTHY ONG TECK MONG
Pengarah

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31HB DISEMBER 2009

| | B\$ Saham Modal | B\$ Rizab Pendapatan | B\$ Jumlah |
|--|--------------------|-------------------------|---------------|
| Pada 31hb Disember 2007 | 8,000,000 | 1,315,305 | 9,315,305 |
| Pembayaran dividen bagi tahun kewangan lepas | - | (400,000) | (400,000) |
| Keuntungan bersih bagi tahun | - | 145,506 | 145,506 |
| Pada 31hb Disember 2008 | 8,000,000 | 1,060,811 | 9,060,811 |
| Pembayaran dividen bagi tahun kewangan lepas | - | (240,000) | (240,000) |
| Keuntungan bersih bagi tahun | - | 910,604 | 910,604 |
| Pada 31hb Disember 2009 | 8,000,000 | 1,731,415 | 9,731,415 |

Nota-nota di muka surat 53 hingga 60 merangkumi sebahagian akaun ini.

PENYATA PENGALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31HB DISEMBER 2009

| | 2009 B\$ | 2008 B\$ |
|---|-------------------|-------------------|
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PENGENDALIAN OPERASI: | | |
| Keuntungan pengendalian sebelum cukai | 1,261,568 | 525,859 |
| Penyelarasan bagi: | | |
| Susutnilai aset-aset bukan semasa | 387,755 | 255,463 |
| (Keuntungan)/Kerugian dari pelupusan aset-aset bukan semasa | (107) | 41,566 |
| Kerugian dari pelupusan pelaburan | - | 1,344,481 |
| Keuntungan pengendalian sebelum pelaburan semula modal kerja | 1,649,216 | 2,167,369 |
| Pengurangan/(Peningkatan) dalam jumlah terhutang daripada pelanggan, ejen dan syarikat reinsurans | 22,317 | (1,132,989) |
| Pengurangan lain-lain siberhutang dan bayaran terdahulu | 108,295 | 69,755 |
| Peningkatan/(Pengurangan) dalam tuntutan terlibat tetapi tidak dilaporkan | 217,892 | (30,758) |
| Peningkatan dalam tuntutan diterima atau diberitahu tetapi belum dibayar | 319,274 | 2,185,186 |
| (Pengurangan)/Peningkatan dalam peruntukan bagi rizab permium yang belum diperolehi | (906,386) | 1,101,372 |
| (Pengurangan) dalam jumlah terhutang kepada ejen dan syarikat reinsurans | (899,027) | (228,841) |
| (Pengurangan)/Peningkatan dalam lain-lain sipiutang dan caj terakru | (303,501) | 1,273,072 |
| Tunai disediakan oleh aktiviti pengendalian | 208,080 | 5,404,166 |
| Cukai dibayar | (371,386) | (189,505) |
| Tunai bersih (digunakan)/disediakan dalam aktiviti pengendalian operasi | (163,306) | 5,214,661 |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN: | | |
| Pembelian aset-aset bukan semasa | (101,628) | (1,260,582) |
| Hasil-hasil dari pelupusan aset-aset bukan semasa | 3,046 | 6,903 |
| Hasil-hasil dari pelupusan pelaburan di dalam syarikat subsidiari | - | 1,073,675 |
| Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan | (98,582) | (180,004) |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN: | | |
| Pembayaran dividen | (240,000) | (400,000) |
| Tunai bersih dipakai dalam aktiviti pembiayaan | (240,000) | (400,000) |
| (Pengurangan)/Peningkatan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai | (501,888) | 4,634,657 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada permulaan tahun (nota 11) | 19,744,403 | 15,109,746 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun (nota 11) | 19,242,515 | 19,744,403 |

Nota-nota di muka surat 53 hingga 60 merangkumi sebahagian akaun ini.

NOTA BAGI AKAUN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31HB DISEMBER 2009

1. MAKLUMAT KORPORAT

Syarikat diperpadankan di Negara Brunei Darussalam dan pejabat berdaftar terletak di Unit 12 & 13, Blok A, Regent Square, Simpang 150, Kampong Kiarong, Bandar Seri Begawan, BE1318, Negara Brunei Darussalam.

Kegiatan utama Syarikat adalah untuk menanggung insurans kebakaran, marin, kenderaan dan lain-lain insurans am. Kegiatan ini tidak mengalami perubahan penting dalam tahun ini.

Syarikat beroperasi di satu negara dan mempunyai 36 kakitangan pada 31hb Disember 2009 (31hb Disember 2008:38 kakitangan).

2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

(a) Asas perakaunan

Penyata kewangan syarikat disediakan berasaskan konvensyen kos sejarah dan dinyatakan dalam ringgit Brunei.

(b) Pengiktirafan pendapatan

(i) Pendapatan Premium - Premium diambil kira sebagai pendapatan pada masa polisi dikeluarkan tanpa mengendahkan tempoh yang diliputi oleh polisi tersebut itu.

(ii) Faedah - Faedah diambil kira dalam penyata pendapatan berasaskan akruan.

(c) Rizab premium yang belum diperolehi

Rizab premium yang belum diperolehi adalah dibuat untuk memadankan secara kasar pendapatan premium dengan tempoh di mana risiko adalah belum jelas. Nisbah yang digunakan dalam pengiraan dipakai pada pendapatan selepas menolak premium reinsurans keluar dan selepas komisen. Syarikat menggunakan kaedah 365 dalam pengiraan rizab premium yang belum diperolehi.

(d) Tuntutan diterima atau diberitahu tetapi belum dibayar

Peruntukan penuh dibuat bagi kos anggaran semua tuntutan yang diterima atau diberitahu tetapi belum dibayar pada tarikh penyata pendapatan dengan menggunakan maklumat terbaik yang ada pada waktu itu.

(e) Tuntutan terlibat tetapi tidak dilaporkan

Peruntukan dibuat bagi tahun tuntutan yang berlaku tetapi tidak dilaporkan berdasarkan purata Statistik Tahunan Kemalangan Berkumpul yang dihitung dari tiga tahun yang lalu.

2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

(f) Susutnilai

Aset bukan semasa disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos aset tersebut sepanjang anggaran hayat bergunanya. Kadar susutnilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:-

| | |
|--|---------------------|
| Pembaikan pemegang pajak | 25% |
| Kenderaan | 25% |
| Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan | 25% |
| Pembangunan IT | 25% |
| Bangunan pemegang pajak | Selama tempoh pajak |

Aset yang telah disusutnilaikan sepenuhnya ditahan dalam akaun sehingga ia tidak lagi digunakan.

(g) Matawang Asing

Aset dan tanggungan yang dinyatakan dalam matawang asing ditukarkan kepada ringgit Brunei pada kadar pertukaran yang ditentukan pada tarikh penyata kewangan. Urusniaga pada tahun ini ditukar kepada ringgit Brunei pada kadar pertukaran yang ditentukan pada tarikh urusniaga. Perbezaan pertukaran dimasukkan ke dalam akaun penyata kewangan.

(h) Hutang Lapuk dan Diragui

Hutang lapuk telah dihapuskan dan peruntukan telah dibuat bagi hutang yang dianggap meragukan.

(i) Pelaburan

Pelaburan jangka panjang adalah dinyatakan pada kos, kecuali mengikut pendapat para pengarah, terdapat penyusutan kekal di dalam nilai semasa ianya tercatat kepada penilaian yang ditentukan oleh para pengarah.

(j) Syarikat subsidiari

Saham-saham di dalam syarikat subsidiari dinyatakan pada kos dan diambil kira di bawah kaedah perakaunan ekuiti.

(k) Cukai tertanggung

Cukai tertanggung adalah disediakan di bawah kaedah liabiliti pada kadar semasa dengan perbezaan di antara nilai buku bersih aset yang layak bagi elaun modal dengan cukai yang dicatat mengikut nilai aset dan lain-lain perbezaan masa yang wujud pada akhir tahun. Faedah-faedah cukai tertanggung hanya diiktiraf bila terdapat peluang yang munasabah bagi realisasi.

3. UNTUNG BAGI TAHUN SEBELUM CUKAI

| | 2009 B\$ | 2008 B\$ |
|--|-----------|-----------|
| Ini dinyatakan selepas mencaji/(mengkredit):- | | |
| Imbuan Juruaudit | 16,000 | 16,000 |
| Susutnilai | 387,755 | 255,463 |
| Ganjaran Pengarah | 104,000 | 103,875 |
| Hutang meragukan yang diperolehi semula | (424,159) | (287,122) |
| (Keuntungan)/kerugian dari pelupusan aset bukan semasa | (107) | 41,566 |
| Pendapatan faedah | (291,754) | (344,087) |
| Kerugian dari pelupusan pelaburan | - | 1,344,481 |
| Peruntukan hutang meragukan | 496,483 | 287,390 |
| Sewa | 7,542 | 90,658 |

4. CUKAI YANG DIKENAKAN

| | 2009 B\$ | 2008 B\$ |
|---|----------------|----------------|
| Cukai ke atas keuntungan tahun semasa | 365,524 | 399,910 |
| Lebihan peruntukan bagi cukai pendapatan pada tahun terdahulu | (28,524) | (38,495) |
| | 337,000 | 361,415 |

Penyesuaian angka antara perbelanjaan cukai dan keuntungan perakaunan:-

Persamaan di antara perbelanjaan cukai dan produk keuntungan perakaunan didarab dengan kadar cukai korporat yang dikenakan adalah seperti berikut:-

| | 2009 B\$ | 2008 B\$ |
|--|-----------|-----------|
| Keuntungan sebelum cukai | 1,261,568 | 525,859 |
| Cukai dikira pada kadar 23.5% untuk B\$50,000 pertama pada satu suku kadar penuh, B\$50,000 kedua pada setengah kadar penuh dan selebih keuntungan pada kadar penuh (2008 : 25.5%) | 281,781 | 118,157 |
| Penyelarasan: | | |
| Perbelanjaan yang tidak ditolak | 120,365 | 413,012 |
| Elaun Modal | (36,622) | (131,259) |
| Lebihan peruntukan bagi cukai pendapatan pada tahun terdahulu | (28,524) | (38,495) |
| Perbelanjaan cukai pendapatan | 337,000 | 361,415 |

5. ASET BUKAN SEMASA

| KOS | B\$ | Penambahbaikan Pemegang Pajak | B\$ | Kenderaan | B\$ | Peralatan Pejabat, Perabot & Kelengkapan | B\$ | Pembangunan IT | B\$ | Bangunan Pemegang Pajak | B\$ | Jumlah |
|-----------------------------|-----------------|-------------------------------|---------|-----------|-----------|--|---------|----------------|-----------|-------------------------|-----|-----------|
| | Pada 01.01.2009 | 375,775 | | 196,849 | | 1,324,258 | | 787,344 | | 1,350,000 | | |
| Tambahan | 5,850 | | 20,300 | | 33,298 | | 42,180 | | - | | | 101,628 |
| Pelupusan | - | | (8,300) | | (6,570) | | (300) | | - | | | (15,170) |
| Pada 31.12.2009 | 381,625 | | 208,849 | | 1,350,986 | | 829,224 | | 1,350,000 | | | 4,120,684 |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | | | | | | | | | |
| Pada 01.01.2009 | 75,321 | | 92,758 | | 574,631 | | 755,840 | | 25,903 | | | 1,524,453 |
| Caj bagi tahun | 92,755 | | 41,458 | | 212,556 | | 18,486 | | 22,500 | | | 387,755 |
| Reklasifikasi | (109,587) | | - | | 109,587 | | - | | - | | | - |
| Pelupusan | - | | (5,361) | | (6,570) | | (300) | | - | | | (12,231) |
| Pada 31.12.2009 | 58,489 | | 128,855 | | 890,204 | | 774,026 | | 48,403 | | | 1,899,977 |
| NILAI BUKU BERSIH | | | | | | | | | | | | |
| Pada 31.12.2009 | 323,136 | | 79,994 | | 460,782 | | 55,198 | | 1,301,597 | | | 2,220,707 |
| Pada 31.12.2008 | 300,454 | | 104,091 | | 749,627 | | 31,504 | | 1,324,097 | | | 2,509,773 |

6. PELABURAN DI SYARIKAT SUBSIDIARI

| | 2009 B\$ | 2008 B\$ |
|---------------------------------|----------------|----------------|
| Saham-saham yang tidak tercatat | 211,688 | 211,688 |
| Saham rugi dibawa ke hadapan | (76,550) | (57,612) |
| Saham rugi bagi tahun | (13,964) | (18,938) |
| | 121,174 | 135,138 |

Syarikat subsidiari adalah:-

| | |
|--|----------------------------------|
| Nama Syarikat | Araco Sdn Bhd |
| Negara diperbadankan | Brunei Darussalam |
| Aktiviti utama | Baikpulih kenderaan |
| Tempat Perniagaan | Brunei Darussalam |
| Kos | 211,688 [2009] 211,688 [2008] |
| Peratus ekuiti yang dimiliki oleh syarikat | 55% [2009] 55% [2008] |

7. JUMLAH HUTANG DARI PELANGGAN, EJEN DAN SYARIKAT REINSURANS

| | 2009 B\$ | 2008 B\$ |
|--|-----------|-----------|
| Hutang daripada pelanggan, ejen dan syarikat reinsurans | 5,761,157 | 5,705,018 |
| Tolak: Peruntukan bagi hutang lapuk dan hutang meragukan | (776,075) | (697,619) |
| | 4,985,082 | 5,007,399 |

8. TUNTUTAN DITERIMA ATAU DIBERITAHU TETAPI BELUM DIBAYAR

| | 2009 B\$ | 2008 B\$ |
|-------------------------------------|-----------|-----------|
| Kebakaran | 612,914 | 575,137 |
| Marin | 99,875 | 78,375 |
| Kenderaan | 2,648,635 | 3,103,567 |
| Pampasan Pekerja dan Liabiliti Awam | 1,610,135 | 1,323,892 |
| Lain-lain | 1,223,892 | 795,206 |
| | 6,195,451 | 5,876,177 |

9. RIZAB PREMIUM YANG BELUM DIPEROLEHI

| | 2009 B\$ | 2008 B\$ |
|------------------|-----------|-----------|
| Marin | 71,390 | 21,078 |
| Kebakaran | 670,846 | 767,130 |
| Kenderaan | 1,618,770 | 2,290,199 |
| Pampasan Pekerja | 624,301 | 650,497 |
| Lain-lain | 2,429,413 | 2,592,202 |
| | 5,414,720 | 6,321,106 |

10. MODAL SAHAM

| | 2009 B\$ | 2008 B\$ |
|---|-------------|-------------|
| Dibenarkan: 100,000,000 saham biasa bernilai B\$1.00 sesaham | 100,000,000 | 100,000,000 |
| Diterbitkan & dibayar penuh: 8,000,000 saham biasa bernilai B\$1.00 sesaham | 8,000,000 | 8,000,000 |

11. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

| | 2009 B\$ | 2008 B\$ |
|------------------------------|------------|------------|
| Simpanan jangka pendek | 18,436,237 | 18,339,089 |
| Tunai dan baki di dalam bank | 806,278 | 1,405,314 |
| | 19,242,515 | 19,744,403 |

12. TANGGUNGAN LUAR JANGKA

Tanggungan luar jangka kasar yang tidak disediakan dalam akaun termasuk perlindungan reinsurans treati dan fakultatif kasar :-

| | 2009 B\$ | 2008 B\$ |
|---|-------------------|-------------------|
| Bon jaminan prestasi dan jaminan jurubank dibenarkan kepada pihak ketiga | 9,640,009 | 14,417,596 |
| Lain-lain tanggungan luar jangka :- Jaminan jurubank berhubung dengan deposit berkanun yang dikehendaki oleh Seksyen 5(1) Akta Insurans Kenderaan (Risiko Pihak Ketiga) Bab.90 | 1,000,000 | 1,000,000 |
| Jaminan jurubank kepada Persuruhjaya buruh disediakan berhubung dengan perbelanjaan penghantaran balik pekerja-pekerja asing Syarikat | 9,500 | 6,000 |
| | 10,649,509 | 15,423,596 |

Bon jaminan prestasi dan jaminan yang lain tersebut di atas adalah dicagarkan dengan simpanan jangka pendek Syarikat yang ditempatkan dengan institusi-institusi kewangan berjumlah B\$2,474,533 (2008: B\$2,445,303).

13. URUSAN-URUSAN PIHAK TERBABIT

Termasuk dalam jumlah terhutang kepada ejen dan syarikat reinsurans adalah sebanyak B\$13,326 (2008: B\$7,526) yang terhutang kepada syarikat subsidiari, Araco Sdn Bhd. Urusan-urusan utama dengan syarikat subsidiari sepanjang tahun termasuk perbelanjaan-perbelanjaan bengkel ke atas tuntutan-tuntutan yang berjumlah sehingga B\$182,393 (2008: B\$202,849).

14. CADANGAN DIVIDEN

Para pengarah telah mencadangkan dividen sebanyak 3 sen sesaham yang berjumlah B\$240,000 yang mana akan diserahkan untuk pengesahan umum semasa Mesyuarat Agung Tahunan. Maka dengan ini dividen tersebut belum lagi dikenalpasti sebagai tanggungan pada 31hb Disember 2009.

15. POLISI-POLISI DAN OBJEKTIF-OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Polisi pengurusan risiko kewangan syarikat ingin memastikan bahawa sumber-sumber yang mencukupi tersedia bagi perkembangan perniagaan syarikat di samping menguruskan insurans, kredit, likuiditi, kadar faedah dan risiko pertukaran matawang asing. Syarikat beroperasi berlandaskan garispandu yang telah dibuat dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

(a) Risiko Insurans

Risiko utama yang dihadapi oleh Syarikat di bawah kontrak insurans ialah bayaran faedah dan tuntutan sebenar atau masanya berlainan dari apa yang dianggarkan. Ini dipengaruhi oleh kekerapan tuntutan, besar teruknya tuntutan, faedah sebenar yang dibayar dan perkembangan selanjutnya bagi tuntutan-tuntutan jangka panjang. Dengan itu matlamat Syarikat adalah untuk memastikan bahawa rizab yang mencukupi disediakan bagi melindungi liabiliti-liabiliti ini.

Pendedahan kepada risiko di atas dapat dikurangkan dengan mempelbagaikan portfolio besar kontrak insurans. Kepelbagaian risiko juga dikurangkan dengan pemilihan yang berhati-hati dan pelaksanaan garis-pandu strategi penanggungan, di samping penyediaan reinsurans.

Syarikat melanggan reinsurans sebagai sebahagian dari program mengurangkan risiko. Reinsurans disidkan melalui kedua-dua cara iaitu berkadar (proportionate) dan tidak berkadar (non-proportionate). Penggunaan reinsurans berkadar adalah reinsurans kongsi kuota (quota-share) dan treati lebihan di mana ianya diambil untuk mengurangkan pendedahan Syarikat kepada kelas-kelas perniagaan tertentu. Reinsurans tidak berkadar adalah reinsurans lebihan kerugian yang diolah untuk menghadkan pendedahan bersih Syarikat kepada kehilangan malapetaka. Had bendungan reinsurans lebihan kerugian berbeza mengikut jenis produk.

Jumlah yang diperolehi semula dari reinsurans-reinsurans dianggarkan selaras mengikut peruntukan tuntutan-tuntutan tertunggak dan adalah mengikut kontrak-kontrak reinsurans. Walaupun Syarikat mempunyai penyediaan reinsurans, ianya tidak mengecualikan Syarikat dari tanggungjawabnya kepada para pemegang polisi dan pendedahan kredit wujud ke atas insurans yang disid, apabila reinsurans tidak dapat memenuhi tanggungjawab di bawah perjanjian reinsurans tersebut. Perjanjian semasa reinsurans syarikat adalah dibuat melalui broker reinsurans, Guy Carpenter & Co Private Limited (diperbadankan di USA), cawangan Singapura dengan Allianz AG Reinsurance cawangan Asia Pasifik dan Syarikat Munich Reinsurance cawangan Singapura sebagai peneraju treati reinsurans masing-

masing bagi treati berkadar(proportionate) dan tidak berkadar (non-proportionate).

(b) Risiko kredit

Risiko kredit dikawal dengan penerapan prosedur kelulusan kredit, had dan pengawalan. Risiko kredit diminimakan dan dikawal dengan menghadkan secara ketat hubungan Syarikat dengan rakan perniagaan yang mempunyai tahap kredit yang memuaskan.

Syarikat tidak mempunyai pendedahan penting ke atas mana-mana pelanggan individu atau mempunyai penumpuan khusus risiko kredit berkaitan dengan mana-mana instrumen kewangan.

(c) Risiko likuiditi

Syarikat mengurus secara aktif aliran tunai dan kemudahan dana dalam memastikan semua keperluan dana dan pembayaran dapat dipenuhi. Sebagai mengurangkan keseluruhan likuiditi yang hemat, syarikat memelihara aras tunai supaya cukup untuk memenuhi modal kerja yang diperlukan.

(d) Risiko kadar faedah

Pendapatan dari simpanan tetap jangka pendek banyak bergantung kepada perubahan dalam kadar faedah pasaran. Pendedahan syarikat kepada risiko kadar faedah adalah dianggap tidak penting dan dikawal secara langsung. Syarikat meletakkan deposit tetap jangka pendek dengan institusi-institusi kewangan terkenal.

(e) Risiko pertukaran matawang asing

Risiko pertukaran matawang asing adalah risiko ke atas nilai dan perolehan dari instrumen kewangan yang disebabkan oleh ketidak-tetapan di dalam kadar pertukaran matawang asing.

Risiko pertukaran matawang asing diurus melalui polisi-polisi dan had-had risiko yang diluluskan oleh lembaga pengarah dan pendedahan-pendedahan pertukaran asing dikawal pada tahap yang diterima.

16. NILAI-NILAI BERPATUTAN

Jumlah yang dibawa oleh aset dan liabiliti kewangan syarikat pada tarikh kunci kira-kira adalah hampir kepada nilai-nilai mereka yang berpatutan berdasarkan keadaan jangka pendek mereka.

17. ANGKA PERBANDINGAN

Beberapa angka perbandingan telah direklasifikasi untuk memenuhi perbentangan tahun semasa.

AKAUN UNTUNG RUGI TERPERINCI

31HB DISEMBER 2009

| | 2009 B\$ | 2008 B\$ |
|---|-----------|-------------|
| PENDAPATAN PENANGGUNGAN | 3,924,826 | 4,280,386 |
| KURANG: PERBELANJAAN PENGURUSAN | | |
| Kakitangan | 1,814,673 | 1,718,941 |
| Premis | 8,120 | 124,554 |
| Pengiklanan & Perhubungan Awam | 116,831 | 106,195 |
| Komputer, Komunikasi & Perjalanan | 75,915 | 85,938 |
| Yuran-yuran profesional | 44,462 | 23,912 |
| Am | 420,641 | 435,050 |
| Peruntukan hutang meragukan | 496,483 | 287,390 |
| Hutang meragukan yang diperoleh semula | (424,159) | (287,122) |
| Susutnilai & Perlunasan | 387,755 | 255,463 |
| | 2,940,721 | 2,750,321 |
| KEUNTUNGAN PENANGGUNGAN | 984,105 | 1,530,065 |
| Lain-lain pendapatan | - | 254 |
| Pendapat Faedah | 291,754 | 344,087 |
| (Kerugian)/Keuntungan dalam pertukaran matawang asing | (14,398) | 37,500 |
| Keuntungan/(Kerugian) pelupusan aset bukan semasa | 107 | (41,566) |
| (Kerugian) dalam pelupusan pelaburan | - | (1,344,481) |
| KEUNTUNGAN OPERASI BAGI TAHUN | 1,261,568 | 525,859 |

Akaun untung rugi terperinci bukan sebahagian dari penyata-penyata kewangan teraudit yang dikehendaki oleh undang-undang

